

Batu marmar Dayang Bunting terbentuk di sepanjang pantai barat, termasuk pulau baki di Kepulauan Dayang Bunting. Batu marmar di sini berwarna putih dan membentuk landskap kars berpemandangan indah. Marmar ini berasal daripada batu kapur Formasi Chuping berusia Perm (290-255 juta tahun) yang mengalami metamorfisme sentuhan (perubahan disebabkan pemanasan pada suhu tinggi oleh rejahan granit). Marmar Dayang Bunting berkualiti tinggi (setanding dengan marmar dari Itali) pernah dikuari untuk batu dimensi pada awal tahun 1970an, tetapi aktiviti ini telah diberhentikan sejak 20 tahun lepas. Blok marmar yang masih tersimpan telah digunakan untuk membuat kraftangan untuk pelancong.

Perbukitan marmar ini dilitupi oleh hutan batu kapur yang mengandungi pelbagai spesies endemik. Spesies paling istimewa ialah *Maxburretia gracilis* (Arecaceae), iaitu sejenis palma dan satu-satunya daripada tiga spesies yang terdapat di dunia yang dijumpai di pulau ini. Selain itu, tumbuhan yang dipanggil Sesudu (*Euphorbia antiquorum*) dan kelihatan seperti kaktus, tumbuh liar di tebing batu kapur. Nama Pulau Dayang Bunting mungkin berasal daripada profil satu bukit di sini yang menyerupai seorang wanita hamil yang sedang baring. Oleh kerana pemandangan landskap kars kepulauan tropika yang luar biasa indahnya, geotapak ini ialah laluan utama georintis 'island-hopping' yang popular sejak Langkawi menjadi destinasi pelancongan.

*Dayang Bunting marble rocks can be found along the west coast, including the remnant islands of Dayang Bunting Archipelago. The marble rocks here are white and form a scenic karst landscape. The marble is derived from the Chuping Formation limestone aged Permian (290-255 million years), which had undergone contact metamorphism (changes due to high temperatures by granite intrusion). The high-quality Dayang Bunting marble (comparable to that of Italy) was once quarried for dimension stones in the early 1970s, but this activity had stopped since 20 years ago. The remaining marble blocks are used to make handicrafts for tourists.*

*The marble hills are covered by limestone forests that contain various endemic species. The most important species is *Maxburretia gracilis* (Arecaceae), the only one of three species in the world that is found here. A plant called *Euphorbia antiquorum* (Euphorbiaceae) which looks like a cactus also grows wild on the limestone cliffs. One of the profiles of a hill resembles a pregnant woman or maiden lying down, giving the island its namesake (Pregnant Maiden Island). Due to the outstanding scenery of tropical karst island landscape, this geosite is on the main path of the popular island-hopping geotrail ever since Langkawi became a tourist destination.*



▲ Batu marmar berwarna putih mempunyai nilai hiasan tinggi  
White marble has a high ornamental value



▲ Tunggul laut fitur umum di pesisir pantai berbatu  
Sea stacks are common feature of rocky coastline



▲ Landskap pesisir batuan kars tropikal yang lazim  
Typical rocky coastal landscape of typical karst

Palma batu kapur  
Limestone palm  
▼ *Maxburretia gracilis*



▲ Pokok sesudu  
Malayan tree spurge  
*Euphorbia antiquorum*